

# Penggabungan beri kelebihan UEM Sunrise

Syarikat boleh manfaat kepakaran Eco World kukuh penjenamaan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@nstp.com.my

Cadangan untuk menggabungkan dua syarikat pemaju hartanah, UEM Sunrise Bhd dengan Eco World Development Group Bhd dilihat memberi kelebihan kepada UEM Sunrise.

Penganalisis MIDF Research, Jessica Low Jze Tieng, berkata UEM Sunrise boleh memanfaatkan kepakaran Eco World dalam pemasaran dan penjenamaan kukuh yang dimiliki syarikat itu.

Katanya, kelebihan yang dimiliki Eco World dijangka dapat membantu UEM Sunrise mencipta nilai daripada pemilikan tanah besar yang dimiliki di Iskandar Malaysia, Johor.

"UEM Sunrise mempunyai tanah 3,707.73 hektar di Iskandar Malaysia dengan nilai pembangunan kasar RM80.9 bilion.

"Satu daripada faedah cadangan penggabungan ini juga adalah mewujudkan kedudukan kewangan kukuh UEM Sunrise bagi pengembangan projek di dalam dan luar negara," katanya dalam nota penyelidikan, baru-baru ini.

UEM Group, anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Bhd yang juga syarikat induk kepada UEM Sunrise dalam kenyataannya mengemukakan sedang meneroka peluang proses penggabungan antara UEM Sunrise dengan Eco World sekali

gus mewujudkan satu daripada syarikat pemaju hartanah terbesar negara.

Sementara itu, Kenanga Investment Bank Bhd dalam nota penyelidikannya berkata, cadangan penggabungan itu akan memberi kelebihan kepada UEM Sunrise.

**Cadangan gabungan ini juga akan wujudkan kedudukan kewangan kukuh UEM Sunrise bagi pengembangan projek di dalam dan luar negara.**

Jessica Low Jze Tieng,  
Penganalisis MIDF Research

Katanya, ia memandangkan pemegang saham utama Eco World akan kehilangan hak majoriti, status penyenaaran dan mungkin jenama mereka.

Penganalisisnya, Lum Joe Shen berkata, UEM Sunrise akan memperoleh keuntungan menerusi kekuatan Eco World dalam perancangan pemasaran dan perbandaran yang dapat membantu meningkatkan penjualan serta mengurangkan turun naik pendapatan hasil sumbangan projek luar negara UEM Sunrise.

Bagi pihak Eco World pula, alasan kukuh terhadap penggabungan itu kerana pemegang saham utamanya bimbang prospek sektor hartanah dan ekonomi masa hadapan.

"Eco World boleh mendapat keuntungan daripada sokongan pemegang saham lebih kukuh iaitu Khazanah melalui UEM Group," katanya.

## Bon korporat bentuk RM714 bilion jumlah pasaran

Bon korporat, sumber utama pengumpulan modal bagi syarikat, membentuk RM714 bilion daripada jumlah keseluruhan pasaran bon Malaysia sehingga 30 September lalu.

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Syed Zaid Albar, berkata penerbit bon korporat mengumpul kira-kira RM63 bilion pada tempoh yang sama.

"Seperti diketengahkan oleh laporan Bank Dunia, pasaran bon berjaya membiayai pembangunan prasarana negara," katanya dalam ucapan pembukaan ketika pelancaran laporan Bank Dunia bertajuk *Malaysia's Domestic Bond Market: A Success Story* di Kuala Lumpur, semalam.

Acara berkenaan berlangsung secara maya bersempena Forum Kewangan Mampan dan Inklusif dalam talian selama empat hari anjuran bersama oleh Bank Negara Malaysia dan World Bank Group, yang berakhir semalam.

Daripada perspektif pelaburan, Syed Zaid berkata, bon ringgit adalah kelas aset yang diperakui.

"Memandangkan asas makroekonomi kukuh negara dan dengan lebih 90 peratus terbitan diberi penarafan triple-A dan double-A, ia menjadi menarik kepada pelabur institusi kita yang pelbagai," katanya.

Selain perbadanan domestik, SC juga melihat penerbit asing dari Asia, Eropah dan Asia Barat serta pelbagai institusi, memanfaatkan pasaran bon tempatan.

Beliau berkata, Malaysia menyaksikan aliran keluar asing minimum dalam pasaran bon awal tahun ini dengan pegangan asing bon menyusut kepada RM186 bilion pada April 2020 daripada RM200 bilion pada Februari.

"Peralihan mudah tunai global daripada pasaran pesat membangun awal tahun ini memperlihatkan kesukaran yang dihadapi oleh ekonomi membangun.

"Walaupun jika pasaran bon mata wang tempatan mengurangkan ketidakpadanan mata wang, ia masih terdedah kepada aliran keluar asing dan mengehendkan keadaan kewangan," katanya.

Beliau berkata, terdapat tiga ciri yang dicadangkan dapat memastikan daya tahan dan kestabilan pasaran bon sedang pesat membangun, termasuk Malaysia.

"Pertama, dasar makroekonomi mantap bagi tempoh jangka panjang, kedua, jumlah pelabur domestik yang kukuh dan ketiga, sistem sokongan cekap dari segi kerangka undang-undang dan struktur risiko yang menggalakkan inovasi," katanya.

## JPDP tunggu penjelasan AirAsia isu data pelanggan



Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dalam proses mendapatkan penjelasan daripada AirAsia Group Bhd berhubung cadangan perniagaan data yang membabitkan pelanggan syarikat penerbangan itu dengan firma dari Amerika Syarikat (AS).

Ketua Pengarah JPDP, Mazmalek Mohamad, berkata JPDP melalui unit siasatannya sedang mendapatkan maklum balas AirAsia berhubung laporan media mengenai perkara itu.

Beliau berkata, pihaknya juga tidak dapat mengulas lanjut dan perlu memastikan apakah perjanjian urus niaga antara kedua-dua pihak terlebih dulu.

"Kami perlu menunggu penjelasan berkaitan laporan itu diberikan oleh AirAsia terlebih dulu," katanya kepada BH ketika dihubungi hari ini.

JPDP berkata, secara asasnya, penjualan data peribadi yang sudah dikumpulkan oleh seseorang pengguna data adalah suatu kesalahan di bawah seksyen 130 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Langkah itu diambil susulan

laporan media bahawa Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes menyatakan terdapat firma pemberi pinjaman AS bersedia menawarkan pinjaman sehingga AS\$1 bilion bagi perniagaan data syarikat penerbangan itu.

Ia mencetuskan perbalahan antara pelanggan syarikat penerbangan kos rendah itu kerana khuatir maklumat data mereka diperoleh pihak tidak sepatutnya dan mempersoalkan pematuhan perlindungan data peribadi.

Fernandes tidak mendedahkan nama pemberi pinjaman AS yang itu, tetapi bercakap mengenai bagaimana aplikasi 'super' baharu yang didorong oleh data akan menjadi penyumbang keuntungan kumpulan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perniagaan penerbangan katanya, mencipta data yang luar biasa dan selepas pasca COVID-19, aplikasi ini menerima 50 juta pengunjung unik setiap bulan.

AirAsia ketika dihubungi BH tidak dapat memberikan penjelasan segera.

"Kami tidak dapat memberi

ulasan buat masa ini. Sebarang pengumuman akan dibuat tepat pada waktunya," katanya.

Sementara itu, sumber dalam AirAsia yang enggan dikenali berkata, perniagaan data ini perlu difahami dengan jelas kerana ia memberikan kelebihan kepada kumpulan.

Beliau berkata, ia bukan penjualan data kepada pihak ketiga yang diragui termasuk kumpulan Macau Scam, sebaliknya lebih kepada perkongsian dan bagaimana AirAsia dapat menggunakan data yang ada dengan betul untuk pertumbuhan operasi.

"Ini mengenai bagaimana AirAsia dapat menguruskan pangkalan data sedia ada sekitar 75 juta untuk strategi pemasaran yang lebih baik, menghasilkan produk dan perkhidmatan yang sesuai untuk pelanggan.

"Ta lebih kepada perkongsian kerjasama strategik bagi mengukuhkan perniagaan digital dan menggunakan sepenuhnya data yang ada dengan betul," katanya.

Peguam, Fahmi Abdul Moin ketika dihubungi BH, berkata secara asasnya sesebuah syarikat



Mazmalek Mohamad

tidak boleh mendedahkan data yang diperoleh daripada pelanggan tanpa kebenaran.

Beliau berkata, kegagalan untuk mematuhi atau dengan sengaja mendedahkan maklumat pelanggan kepada pihak ketiga boleh menjurus kepada kesalahan mengikut Seksyen Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Seorang lagi pengamal undang-undang, Muhammad Akram Abdul Aziz, berkata pendedahan maklumat peribadi pelanggan sesebuah syarikat berkemungkinan boleh dilakukan jika peruntukan akta terbabit dipatuhi syarikat.

"Contohnya, jika notis lengkap berhubung pendedahan diberikan kepada pelanggan dan pelanggan bersetuju maklumatnya didedahkan atau dikongsi oleh syarikat kepada pihak ketiga.

"Ini sebahagian daripada prinsip pengendalian maklumat peribadi yang diperuntukkan dalam akta berkenaan.

"Ramai tidak sedar terdapat klausa berkenaan dalam dokumen atau perjanjian yang dipersetujui, tetapi bukan terlalu mudah bagi sesebuah syarikat untuk berkongsi atau mendedahkan maklumat pelanggan," katanya.